

08/10/1997

Dana khas bantu wanita kampung

Wan Nurmawati Abdul Rani

MESYUARAT Jawatankuasa Pemandu Kemajuan Ekonomi Wanita Luar Bandar dan Kepulauan Asia Pasifik (RSC-AP) yang akan diadakan 13 Oktober selama empat hari itu merancang mewujudkan dana yang bertujuan mendapatkan sumber kewangan bagi membiayai aktiviti jawatankuasa.

Penubuhan dana itu masih di peringkat awal perancangan berikutan beberapa peraturan perlu diteliti dan dibincang agar ia tidak bercanggah dengan peraturan sedia ada.

Pengerusi Jawatankuasa yang juga isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali berkata dana itu akan menyokong usaha untuk menggerakkan dan memperluaskan program serta pentadbiran pinjaman kecil yang menyalurkan pinjaman kepada wanita termiskin di luar bandar.

Menurutnya, kajian mendalam perlu dibuat kerana ingin mengenal pasti sama ada kegunaan dana hanya untuk wanita Malaysia sahaja atau dibuka kepada negara anggota lain yang bertujuan menghapus kemiskinan atau menubuhkan institusi serta pusat latihan.

"Secara konsepnya, pinjaman akan diberikan oleh dana kepada institusi yang memohon untuk mendapatkan modal untuk menjalankan program pinjaman kecil."

Wang dana juga akan digunakan sebagai pendahuluan atau subsidi untuk membolehkan RSC-AP menganjurkan latihan intensif yang amat diperlukan oleh institusi micro-finance.

"Mesyuarat itu dijangka akan menghasilkan resolusi ke arah memperkukuhkan peranan RSC-AP dalam mengadvokasikan pinjaman kecil sebagai alat bagi menangani kemiskinan serta menggembelng segala sumber yang terdapat di peringkat wilayah dan dunia," katanya dalam sidang akhbar yang diadakan di Sri Perdana, semalam.

Katanya, Malaysia adalah pengerusi bagi jawatankuasa mesyuarat yang pertama itu turut diuruskan oleh Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA) Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat yang juga urusetia jawatankuasa bagi tempoh tiga tahun dari 1995 hingga 1998.

Beliau berkata, tujuan mesyuarat itu adalah untuk bertukar pandangan, pengetahuan, maklumat serta pengalaman mengenai isu yang dihadapi oleh negara anggota dalam melaksanakan program menangani masalah kemiskinan di luar bandar selaras dengan program tindakan RSC-AP 1995-1998.

Jelasnya lagi, ia juga sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan kesedaran dan komitmen masing-masing di samping menggembelng sumber manusia serta kepakaran teknikal terhadap program micro-finance.

"Mesyuarat yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan dihadiri kira-kira 100 peserta yang terdiri daripada ahli RSC-AP, wakil peribadi, pegawai dari negara anggota, wakil pertubuhan antarabangsa serta peserta tempatan."

Selain wanita pertama, ia juga dihadiri oleh utusan khas yang mewakili wanita pertama serta tetamu khas.

"Beberapa keputusan lain akan dibuat termasuk menentukan pengerusi RSC-AP baru bagi tempoh 1998-2001, sumbangan tahunan ahli dan status RSC-AP," katanya.

Selain itu, katanya, sempena mesyuarat, sambutan Hari Wanita Desa Sedunia pada 15 Oktober pelbagai akan diadakan.

Antaranya termasuk taklimat mengenai program pembasmian kemiskinan oleh wakil Unit Perancangan Ekonomi, pertunjukan video mengenai pengalaman Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), demonstrasi mesyuarat mingguan Sahabat Aim,

ceramah istimewa mengenai pengalaman tiga wanita luar bandar dalam kehidupan mereka, pameran hasil aktiviti wanita luar bandar dan lawatan ke pusat budaya kraftangan.

(END)